

PM: KERJASAMA EKONOMI ASEAN PERLU DITELITI

KUALA LUMPUR, 30 NOV (BE BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN NEGARA-NEGARA ASEAN PERLU MENELITI STRATEGI DAN KEUTAMAAN DALAM KERJASAMA EKONOMI DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ASEAN.

KATANYA, KEADAAN KEMELESETAN YANG BERLARUTAN DAN HALANGAN DALAM SISTEM KEWANGAN DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MEMERLUKAN ASEAN BERUSAHA LEBIH GIGIH UNTUK MENGUKUHKAN KERJASAMA DALAM BIDANG EKONOMI.

BELIAU BERKATA, NEGARA-NEGARA ANGGOTA PERLU MENYELARASKAN PENGELUARAN DAN PEMASARAN KOMODITI UTAMA DAN MENINGGATKAN BAHAWA +KEGAGALAN UNTUK MENYELARASKANNYA AKAN MENYEBABKAN HASIL TITIK PELUH BURUH KITA AKAN DINIKMATI OLEH NEGARA-NEGARA KAYA+.

+TANPA PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA DI KALANGAN PARA PENGELUAR KOMODITI UTAMA, KITA AKAN DIPERALATKAN DAN MENANGGUNG KERUGIAN...KITA JUGA TERPAKSA LEBIH BANYAK MENJUAL DAN KURANG MEMBELI KEPERLUAN PENGELUARAN YANG DIPERLUKAN,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN KETUJUH DEWAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN ASEAN DI SINI.

SAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA, KERJASAMA ITU TIDAK BERMAKNA MEMUJUDKAN SATU +CARTEL+ TETAPI MENDORONGI RASIONALISASI, PENYELIDIKAN DAN GALAKAN.

SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA KOMODITI YANG DIHASILKAN OLEH ASEAN MERUPAKAN HARTA KEKAYAAN, BELIAU BERKATA, KEKAYAAN INI HANYA DIKENALPASTI DAN DIUSAHAKAN OLEH NEGARA-NEGARA INDUSTRI YANG KAYA.

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN YANG DIJALANKAN OLEH MEREKA SANGAT MAJU DAN MEMBOLEHKAN MEREKA Mendapatkan BAHAN GANTIAN APABILA DIPERLUKAN DAN MENYEBABKAN PARA PENGELUAR MENGALAMI KESULITAN UNTUK MENJUAL KELUARAN MEREKA, TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI JUGA YAKIN BAHAWA PELUANG MASIH ADA BAGI EKONOMI ASEAN DIMAJUKAN SECARA BERSAMA.

+PENDEKATAN SEPERTI INI BOLEH MENJADIKAN ASEAN SEBUAH BLOK EKONOMI YANG KUAT TANPA KONGKONGAN PERJANJIAN DENGAN MASYARAKAT EKONOMI EROPAH (EEC),+ KATANYA.

MENGENAI SALAH SATU MATLAMAT PENUBUHAN ASEAN UNTUK MENGGALAKKAN KERJASAMA EKONOMI BAGI FAEDAH SELURUH ANGGOTA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BANYAK YANG PERLU DILAKUKAN BAGI MENCAPAI MATLAMAT ITU.

BELIAU MENYIFATKAN PERATURAN KEUTAMAAN PERDAGANGAN (PTA) ASEAN SABAGAI +AMALAN SIA-SIA+ DAN MENJELASKAN BAHAWA PROJEK INDUSTRI ASEAN (AIP), SKIM KELENGKAPAN PERINDUSTRIAN ASEAN (AIC) DAN USAHASAMA INDUSTRI ASEAN (AIJV) PERLU DIPERKEMASKAN.

BELIAU BERKATA, BEBERAPA KELUARAN PERDAGANGAN YANG MENGUNTUNGAN TIDAK DIMASUKKAN DALAM PTA, DAN +TIDAK ADA PARA PENIAGA YANG PINTAR DAN SANGGUP MENJALANKAN PERNIAGAAN BARANGAN YANG MENDATANGKAN KEUNTUNGAN YANG SEDIKIT+.

WALAU PUN PERANGKAAAN MENUNJUKKAN PENINGKATAN DALAM PERDAGANGAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ASEAN SEJAK 10 TAHUN LALU, TETAPI DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, IA LEBIH BANYAK DITENTUKAN OLEH CORAK PERMINTAAN DAN PENAWARAN.

MENGENAI SKIM AIC DAN AIJV, YANG DIHASILKAN DARIPADA INISIATIF SEKTOR SWASTA UNTUK MEMAJUKAN KELENGKAPAN INDUSTRI DAN PELABURAN BERSAMA, BELIAU BERKATA, PARA PEMIMPIN PERINDUSTRIAN DI NEGARA-NEGARA ASEAN MENDAPATI DASAR-DASAR DAN PERATURAN KERAJAAN TIDAK BANYAK MEMBANTU MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA, WALAU PUN NEGARA-NEGARA ASEAN TIDAK DAPAT BEKERJASAMA DALAM INDUSTRI GETAH ATAU KELAPA SAWIT ATAU PERLOMBONGAN TIMAH, BIDANG ITU MEMPUNYAI POTENSI YANG LUAS UNTUK DIUSAHAKAN BERSAMA. -- LAGI

EK

PM: KERJASAMA EKONOMI ASEAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, INDUSTRI KERETA MERUPAKAN SATU CADANGAN YANG PALING MENARIK BAGI MENGADAKAN KERJASAMA KELENGKAPAN DENGAN MENGHASILKAN PELBAGAI KOMPONEN DI ENAM BUAH NEGARA UNTUK PASARAN ASEAN.

MENGENAI PROJEK PROTON SAGA, BELIAU BERKATA, OLEH KERANA MALAYSIA MASIH PERLU MENGIMPORT KOMPONEN-KOMPONENNYA, IA LEBIH BERSEDIA MENDAPATKAN KOMPONEN-KOMPONEN ITU DARI NEGARA-NEGARA ASEAN.

+HAKIKAT BAHAWA KITA TELAH MENDAHULUI DENGAN MEMPEROLEHI KERETA SENDIRI TIDAK BERMAKNA KITA MENGENEPIKAN KONSEP KERJASAMA KELENGKAPAN ASEAN,+ JELAS BELIAU.

+KITA TETAP MEMPERCAYAINYA DAN BERPENDAPAT MASIH ADA PELUANG UNTUK MELAKSANAKAN KONSEP ITU DALAM INDUSTRI KERETA,+ TAMBAHNYA.

PARA PERWAKILAN PELBAGAI DEWAN KEBANGSAAN BAGI PERDAGANGAN DARI BRUNEI, INDONESIA, MALAYSIA, FILIPINA, SINGAPURA DAN THAILAND TERMASUK PARA PEMERHATI EEC, MENGHADIRI PERSIDANGAN LIMA HARI ITU.

--- BE BERNAMA